

SUMBANGAN TOK KENALI DALAM PEMBANGUNAN AGAMA ISLAM DI KELANTAN ANTARA TAHUN 1915 HINGGA 1933

Mohamad Firdaus Mohamad, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi & Ruhaizan Sulaiman*

Abstrak

Artikel ini membincangkan mengenai penglibatan Tok Kenali dalam pembangunan agama Islam di Kelantan antara tahun 1915 hingga 1933. Fokus utama adalah terhadap sumbangan Tok Kenali dalam Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), Pendidikan dan Masyarakat di negeri Kelantan. Keperibadian dan intelektual yang di pamerkan oleh Tok Kenali juga menjadi asbab kepada pembangunan agama Islam di negeri Kelantan pada awal abad ke-20. Artikel ini akan membicarakan dari tahun 1915 hingga 1933 yang menjadi tahun-tahun kemuncak dalam tugasnya sebagai seorang ulama di negeri Kelantan.

Kata Kunci: Sumbangan, Tok Kenali, Pembangunan agama Islam, Kelantan.

Abstract

This article discusses the involvement of Tok Kenali in the development of Islam in state of Kelantan between 1915 and 1933. The main focus is on the contribution of Tok Kenali in Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan (MAIK), education and society in the state of Kelantan. The personality and intellectuals exhibited by Tok Kenali was also the cause of the development of Islam in the state of Kelantan in early 20th century. This article will discuss in his duties as a scholar in the state of Kelantan.

Keyword: *Contribution, Tok Kenali, development of Islam, Kelantan.*

Pendahuluan

Kelantan merupakan salah sebuah negeri di Semenanjung Tanah Melayu yang giat dalam mengembangkan agama Islam melalui pelbagai kaedah termasuk dalam bidang pendidikan.

* Mohamad Firdaus Mohamad adalah pelajar Ijazah Sarjana Ketamadunan Islam di Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Professor Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi adalah Professor Jabatan Usuluddin di Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Dr. Ruhaizan Sulaiman adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Kenegaraan dan Keusahawanan, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Pada abad ke-18, pembangunan agama Islam di negeri Kelantan sudah mula digerakkan melalui sistem pemerintahan beraja. Justeru itu, kelangsungan daripada pemerintah membolehkan adanya pembangunan dalam agama Islam di negeri Kelantan. Penglibatan ulama besar dalam kegiatan dakwah, pendidikan dan pentadbiran agama Islam membolehkan Kelantan terkenal dengan gelaran Serambi Mekah. Ulama berperanan dalam usaha untuk membangunkan negeri Kelantan sebagai langkah untuk menyusun atur kembali institusi keagamaan di bawah pemerintahan sultan. Penglibatan Tok Kenali dalam pembangunan agama Islam di negeri Kelantan merupakan kemuncak pada era kemasyhurannya antara tahun 1915 hingga 1933. Ulama dan cendekiawan Melayu Kelantan lebih gemar untuk membangunkan negerinya sendiri dengan mengembangkan pemikiran mengenai pembangunan daripada berhijrah ke luar negeri.¹

Oleh itu, Tok Kenali adalah antara ulama besar yang telah membangunkan negeri Kelantan dengan kelebihan yang dimilikinya dalam ilmu pengetahuan, kemanusiaan, sosial dan interaksi yang dipertontonkan kepada rakan sejawatnya mahupun rakyat biasa. Penglibatan Tok Kenali dalam membangunkan sebuah negeri yang masih muda dengan peraturan dan pegangan mampu didokumentasikan olehnya melalui cara yang tersendiri tanpa ada sebarang ikatan daripada kehendak sosial. Tok Kenali merupakan seorang khalifah yang pada hakikatnya menjalankan tugas sebagai seorang ulama, guru, ayah kepada anak didiknya melalui perkara yang dirasakan mampu untuk membangunkan negeri Kelantan pada sifat zahir. Tok Kenali seorang idealis dalam misinya terhadap agama, kerana ini adalah berpaksikan kepada idealogi yang mendoktrinkan agama Islam sebagai panduan hidup maka suatu keyakinan telah dipilih secara sedar untuk menjawab keperluan-keperluan yang timbul dan memecahkan masalah-masalah masyarakat kepada jalan penyelesaian.²

Latar Belakang Tok Kenali

Muhamad Yusoff bin Muhamad atau lebih dikenali dengan gelaran Tok Kenali dilahirkan pada tahun 1868 di Kampung Kenali yang bertempat di Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan.³ Tok Kenali berasal daripada kalangan keluarga petani yang soleh.⁴ Datuk sebelah ibunya iaitu Tok Leh yang berkerja sebagai guru agama di Kampung Kubang Kerian. Tok Kenali mendapat pendidikan awal agama dariapda Haji Ismail bin Haji Mahmud, Hk. Wan Ali bin Abdul Rahmah Khutam, Tuan Padang dan Haji Abas Sungai Budor.⁵

Tok Kenali diusia kecilnya telah menunjukkan tanda-tanda kecerdasan yang luar biasa dan kecenderungan beliau dalam ilmu pengetahuan terutamanya ilmu agama tidak

-
- 1 Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid, *Seruan Kebangkitan Islam dalam Majalah Pengasuh oleh Tok Kenali dan Za'ba, Jurnal Usuluddin* (Januari-Jun 2013), hlm. 116.
 - 2 Ali Shariati, *Agama Lawan Agama*, Terjemahan Ahmad Nabil Amir, Islamic Renaissance Front Berhad, 2017, hlm. 1.
 - 3 Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Hassan, Lima Tokoh Ulama yang Memainkan Peranan Penting dalam Perkembangan Ilmu di Negeri Kelantan (1860-1940), Kertas Kerja the Eight Conference International Association of Historian of Asia, Kuala Lumpur, 25-29 Ogos 1980. hlm. 167.
 - 4 Yusoff Zaky Jacob, "Pengasuh, Tok Kenali Dalam Kenangan", Bil 403, 1975, hlm. 40.
 - 5 Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Hassan, *Lima Tokoh Ulama yang Memainkan Peranan Penting dalam Perkembangan Ilmu di Negeri Kelantan (1860-1940)*, hlm. 168.

pernah jemu. Tok Kenali melanjutkan pelajarannya di Kota Bharu semasa berusia sepuluh tahun dengan mempelajari ilmu agama bersama ulama yang terkenal pada waktu itu iaitu Haji Ismail yang merupakan ayah kepada Dato' Perdana Menteri Haji Nik Mahmud.⁶ Selain itu, Tok Kenali juga menuntut ilmu agama daripada beberapa ulama besar seperti Tuan Guru Asy-Syaikh Muhammad Ali bin Abdul Rahman atau nama timangannya ialah "*Wan Ali Kutan*", Tuan Guru Haji Taib Tuan Padang serta Tuan Guru Haji Ibrahim Sungai Budor, Tuan Tabal, Haji Awang Alim @ Haji Awang Gemok Atas Banggol dan Haji Nik Wan Daud Kubang Pasu.⁷ Jika diperhatikan kebanyakan nama-nama ulama ini disesuaikan mengikut nama tempat atau kampung yang didiaminya sehingga diangkat menjadi ulama di kawasan tersebut.

Selain daripada itu, Tok Kenali juga mempunyai nama timangan yang lain iaitu "Awang" dimana nama Awang menjadi nama kegemaran sepanjang hayatnya sama ada digunakan dalam sidang pengarang atau semasa berada di lapangan bersama-sama rakyat negeri Kelantan. Tok Kenali dilahirkan dan dibesarkan pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad II antara tahun 1837 hingga 1886. Sultan Muhammad II terkenal dengan gelaran "Sultan Mulut Merah".⁸ Tok Kenali dilahirkan setahun selepas siapnya Masjid Besar Kota Bharu atau lebih dikenali dengan nama masjid kayu menjadi tempat Tok Kenali menimba ilmu pengetahuan agama dan tempat kegiatan ilmiah yang mana diketahui kehebatannya dalam majalah Pengasuh.

Sebaik sahaja Tok Kenali menamatkan pengajian pada peringkat awalnya di Kota Bharu, Tok Kenali berhasrat untuk melanjutkan pengajiannya di Kota suci Mekah al-Mukaramah pada tahun 1886.⁹ Seperti yang diketahui bahawa Kota suci Mekah adalah pusat kepada pengajian ilmu agama dan pusat kepada penyebaran agama Islam ke seluruh pelusuk dunia pada ketika itu. Di Nusantara ulama-ulama besar inilah yang telah meletakkan asas yang kukuh pada pengajian Islam dan di kota suci Mekah jugalah ulama-ulama besar ini menyusun dan mengarang serta membukukan kitab-kitab ilmiah untuk tujuan pendidikan kepada anak-anak negeri yang telah melahirkan generasi ulama baharu di Nusantara. Antaranya ialah Syaikh Daud al-Fatani, Syaikh Abdul Samad al-Falimbani, Syaikh Ahmad Katib al-Sambasi ulama awal yang mendapatkan pendidikan di kota suci Mekah. Secara langsung Tok Kenali terinspirasi dengan kehebatan ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh ulama-ulama ini dan mendorongnya untuk belajar di Mekah. Cita-cita tinggi Tok Kenali dan minat yang mendalam terhadap ilmu pengetahuan mendorong beliau untuk menuruti jejak langkah dalam mengembangkan kebolehannya di peringkat yang lebih tinggi. Semangat juang yang tinggi inilah yang membimbing Tok Kenali untuk mengenali dirinya dengan lebih dekat mengenai ilmu agama di Kota suci Mekah.

6 Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*, Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu, 1988, hlm. 127.

7 Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar Sejarah Kelantan (Tanah Serendah Sekebun Bunga)*, Pustaka Aman Press Sdn Bhd. Kota Bharu, 2005, hlm. 143.

8 Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*, Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu, 1988, hlm. 127.

9 Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Hassan, Lima Tokoh Ulama yang Memainkan Peranan Penting dalam Perkembangan Ilmu di Negeri Kelantan (1860-1940), hlm. 168.

Tok Kenali berguru dengan seorang alim ulama terkenal pada zaman mudanya iaitu Syeikh Daud al-Fatani¹⁰ yang bergiat aktif dalam kegiatan dakwah islamiah di Nusantara khususnya di negeri Kelantan. Syeikh Daud al-Fatani mempunyai kecerdasan akal fikiran yang baik mampu untuk menyelesaikan masalah secara kritis tanpa berselisih pendapat antara satu sama lain. Hal ini dijelaskan dalam satu catatan sejarah apabila Sultan Muhammad IV meminta pandangan beliau berkenaan pemisahan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan semasa belajar di Madrasah.¹¹ Syeikh Daud al-Fatani mempunyai keistimewaan dalam bidang mengarang dalam bahasa Arab. Syeikh Daud al-Fatani merupakan ulama besar di rantau Nusantara mempunyai cita-cita yang tinggi dalam menghasilkan karya-karya yang bersifat akademik dalam bahasa Arab.¹² Tok Kenali mendalami dan mempelajari segala ilmu pengetahuan bersama gurunya Syaikh Ahmad selama 20 tahun. Sikap dedikasi dan kebolehan luar biasa yang dimiliki menjadikan beliau seorang ulama yang amat dikasihi oleh gurunya.¹³ Sebagai menghargai Tok Kenali, Syaikh Ahmad telah membawanya melawat negeri Mesir pada tahun 1903. Lawatan tersebut merupakan zaman kegemilangan pada zaman Muhammad Abduh.¹⁴

Pentadbiran Agama Islam Sebelum Tok Kenali

Pentadbiran agama Islam di Kelantan sebelum era Tok Kenali mengamalkan sistem tradisi yang diwarisi daripada kaedah penyampaian lisan dan kaedah pengajaran di pondok. Sistem pendidikan agama Islam di Kelantan sudah mula wujud pada abad ke-18 masihi. Kewujudan Masjid Kampung Laut pada tahun 1400 Masihi di negeri Kelantan membuktikan sistem pendidikan dan pentadbiran bermula lebih awal dari 300 tahun sebelum abad ke-18.¹⁵ Pentadbiran agama Islam di Kelantan pada abad ke-18 diterajui oleh tokoh-tokoh yang berpengaruh dalam mengembangkan agama Islam dan menjalankan kegiatan dakwah islam di negeri Kelantan. Antaranya adalah Long Yunus yang berjaya mengembalikan negeri Kelantan dalam keseragaman semasa menjalankan aktiviti dakwah dan mengawal selia sistem pendidikan Islam di negeri Kelantan. Selain itu, Sheikh Abdul Halim merupakan anak saudara kepada Long Yunus juga pernah dilantik menjadi penasihat kepada Sultan Muhammad I semasa pemerintahannya tahun 1801 hingga 1837.¹⁶

Negeri Kelantan pada abad ke-18 tidak mempunyai satu sistem percetakan yang sistematik. Kebanyakan daripada kegiatan dakwah dan aktiviti pendidikan Islam dilakukan

-
- 10 Al-Fatani merupakan nama gelaran tempat kelahiran Syeikh Daud al-Fatani. Pada awalnya perkataan Fatani adalah Patani, disebabkan kemahiran Syeikh Daud al-Fatani yang begitu mendalam dalam perbendaharaan Arab maka beliau mengubah nama Patani (bererti *fitnah*, *huru-hara* dan *kacau-bilau*) dalam Bahasa Arab ditukarkan kepada Fatani yang (bererti *pandai* dan *bijaksana*). Hal inilah yang dipraktikkan oleh Syeikh Daud al-Fatani dalam pandangannya kepada makna dan frasa maksud dalam Bahasa Arab.
 - 11 Michael Laffan, *Sejarah Islam di Nusantara*, Diterjemahkan dari *The Making of Indonesian Islam*, Princeton University Press, 2015, hlm. 205.
 - 12 Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*, 1988, hlm. 125.
 - 13 Yusoff Zaky Yacob, Pengasuh, "*Tok Kenali Dalam Kenangan*", Bil 403, 1975, hlm. 40.
 - 14 Ibid., hlm. 40.
 - 15 Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, et.al, Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Abad, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2012, hlm. 149.
 - 16 Ibid., hlm. 150.

secara tidak langsung melalui kaedah lisan dengan menggunakan bahan bacaan yang ditulis dengan tangan dalam bahasa Arab dan bahasa Jawi.¹⁷ Sejarah percetakan di Tanah Melayu bermula pada abad ke-18 semasa pemerintahan British di Negeri-negeri Selat iaitu di Pulau Pinang.¹⁸ Kekurangan dari segi teknologi tidak menghalang kepada pentadbiran agama Islam di negeri Kelantan. Melalui penglibatan Long Yunus dan Sheikh Abdul Halim serta kesungguhannya dalam menjalankan aktiviti tadbir urus hal ehwal agama Islam dan sistem pendidikan membolehkan agama Islam dapat dikembangkan di segenap kawasan dalam negeri Kelantan. Namun semasa pemerintahan Sultan Muhammad II antara tahun 1890 hingga 1891, sistem pentadbiran diperkemaskan oleh baginda dengan melaksanakan penguatkuasaan undang-undang syarak dalam hal ehwal guaman yang terdiri daripada jenayah atau mal.

Kebijaksanaan pemerintahan sultan Kelantan diwarisi oleh Sultan Muhammad III apabila baginda mengambil langkah yang tepat dengan memperkasakan undang-undang syarak yang diperkenalkan sebelumnya. Sultan Muhammad III menguatkan penguatkuasaan dalam perundangan Islam dengan memperkenalkan undang-undang baru seperti *hudud* bagi kesalahan mencuri dan *qisas* bagi kesalahan membunuh. Dalam masa yang sama baginda juga memperkasakan undang-undang *ta'zir* kepada orang yang tidak menunaikan ibadat puasa dan kepada perempuan yang tidak menutup aurat dengan sempurna.¹⁹ Pemerintahan Sultan Muhammad III merupakan kemuncak dalam sistem perundangan Islam yang dilaksanakan di negeri Kelantan.

Perjanjian Dengan Kerajaan Siam 1902

Pada akhir abad ke-19 berlaku perseteruan dalam kalangan istana kerajaan Kelantan antara golongan yang menyokong dan menentang Siam.²⁰ Pada awal abad ke-20, semasa berlaku peralihan kuasa antara kerajaan Siam dengan kerajaan British telah tercetus pergolakan dalam istana negeri Kelantan antara golongan anti-Siam dengan penyokong yang ingin berada di bawah pentadbiran British.²¹ Terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan rakyat di negeri Kelantan terutamanya dalam pentadbiran negeri, peristiwa ini memberikan jalan kepada sultan dan ulama untuk terlibat sama dalam hal ehwal negeri dan juga agama.

Perjanjian London telah ditandatangani antara Siam dan British pada 6 Oktober 1902. Dalam perjanjian tersebut menyatakan jelas bahawa Kelantan akan tetap menjadi negeri di bawah naungan Siam dengan timbangan seorang Pesuruhjaya Siam berbangsa Inggeris, iaitu William Armstrong Graham dan H. W. Thomson sebagai penolong Pesuruhjaya.²² Secara tidak langsung pengaruh daripada British telah meresap masuk ke dalam sistem pemerintahan

17 Ibid.

18 Mohd. Safar Hashim, *Akhbar dan Kuasa: Perkembangan Sistem Akhbar di Malaysia Sejak 1806*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012, hlm. 39.

19 Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, et.al, *Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Abad*, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2012.

20 Abdul Rahman al-Ahmadi, *Abdul Kadir Adabi dan Asaad Shukri: Suatu Perbandingan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004, hlm. 1.

21 Ibid., hlm. 1.

22 Abdul Rashid bin Haji Ahmad, *Birokrasi Negeri Kelantan: Satu Kajian Perubahan dan Perkembangannya*, Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969, hlm. 74 dan 75.

di negeri Kelantan keberadaannya memberikan kelebihan kepada kerajaan British untuk mencampur tangan dalam pentadbiran di Kelantan. Pergolakan yang berlaku di Pahang pada tahun 1890 membolehkan pemodal British Robert William Duff untuk meneroka Kelantan yang dilihat mempunyai nilai ekonomi yang tinggi pada waktu itu berbanding Negeri-Negeri Melayu Bersekutu seperti Negeri Sembilan, Pahang, Perak atau Selangor. Menurut Ernest LeVos dalam kajiannya menyatakan bahawa penerokaan Duff lebih awal daripada abad ke-20.

*Duff made this decision not so much because he was influenced by the information he collected on the 1895 expedition of the potential wealth of Kelantan but because he wanted 'to get away from being under any enactment of the Federal Malaya States.'*²³

Secara jelas kedatangan Duff mempunyai agenda yang tersendiri selain daripada membantu Kelantan untuk membebaskan daripada ancaman Siam kepada seliaan baharu dalam pentadbiran British. Seolah-olah mereka hanya bertukar 'knight' untuk membela raja yang dalam kesusahan. Perancangan awal Robert William Duff amat teratur untuk mendapatkan negeri Kelantan dari Siam.

*Duff has been viewed as a disciple of Swettenham, largely because of Swettenham's encouragement of Duff to help 'seize' Kelantan from the Siamese for the British. Duff sought Swettenham's aid because he wanted to obtain the land concession in Kelantan. Both men had their own goals, but their cooperation did not extend to sharing of ideologies.*²⁴

Duff bersama-sama Frank Swettenham telah berkerjasama untuk mendapatkan Kelantan untuk dijadikan sebahagian daripada tanah jajahan yang baru secara rasmi. Kerjasama ini memberikan kelebihan kepada Duff untuk mendapatkan konsesi tanah seluas 3000 kaki persegi bersamaan 776, 996 hektar untuk konsesi perlombongan dan tanah agrikultur yang telah lama dicari olehnya.²⁵ Secara tidak langsung Duff Deevlopment Company telah berjaya untuk memonopoli hasil bumi di negeri Kelantan dan secara tidak langsung memberi peluang kepada British untuk menguasai politik di negeri Kelantan. Keadaan ini membuka peluang kepada sultan dan beberapa intelektual Kelantan untuk membiasakan dengan sistem pentadbiran British. Sultan Muhammad IV mengambil tindakan dengan memperkasakan sistem pentadbirannya dengan mewujudkan sistem pendidikan yang formal untuk rakyat di negeri Kelantan pada tahun 1903.²⁶ Secara tidak langsung akan dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang pertanian. Kesan daripada perjanjian ini, Sultan Muhammad IV menerima satu sistem berstruktur berdasarkan kepada undang-undang yang dikuatkuasakan

23 Ernest LeVos, *Robert W. Duff: A British Seigneur in Kelantan, 1892-1932*, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol.70, No.1 (272), 1997, hlm 5. Lihat juga dalam C.O 717/10 Conference, 13 Nov. 1920.

24 *Ibid.*, hlm. 6.

25 Hunter A. Crawford, *"The Birth of the Duff Development Company of Kelantan 1900-1912"*, *Malaysia in History*, 1970, hlm. 3.

26 Abdul Rahman al-Ahmadi, *Abdul Kadir Adabi dan Asaad Shukri: Suatu Perbandingan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004, hlm. 2.

oleh Majlis Mesyuarat Negeri akan dibentuk sebaik sahaja kehadiran Pesuruhjaya Tinggi British.²⁷

Sebaik sahaja kedatangan Pesuruhjaya Tinggi Siam ke negeri Kelantan, berlaku pergolakan antara pihak British dengan Siam dan Kelantan. Dalam masa yang sama pada tahun 1908, Tok Kenali telah berangkat pulang dari kota suci Mekah ke negeri Kelantan untuk menabur bakti dan memberi pendedahan dalam bidang keagamaan, pendidikan Islam dan pentadbiran kepada rakyat di negerinya. Pada 1909 Perjanjian Inggeris-Siam ditandatangani, melalui perjanjian ini Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu terdiri dari Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis diserahkan kepada British sebagai balasan wilayah di selatan Thailand diberikan kepada kerajaan Siam sepenuhnya terdiri daripada Pattani, Singgora dan Yala. Perjanjian ini adalah yang paling penting bagi 'transaksi' British di Asia Tenggara sebelum Perang Dunia Kedua.²⁸

Pembukaan Jajahan Baru 1904

Campur tangan William Armstrong Graham dalam hal ehwal pentadbiran memberikan peluang kepada British untuk mengembangkan kekuasaannya di negeri Kelantan. Keberadaannya di Kelantan telah merubah landskap politik dan pentadbiran di Kelantan mengikut kaedah pemerintahan British. Pada akhir abad ke-19 idea desentralisasi mula diperdebatkan dalam kalangan pemerintah tempatan apabila mahu mentadbir kerajaan negeri mengikut acuannya sendiri. Namun, pada tahun 1895, pergerakan Ketua Pesuruhjaya Residen Siam mula mengambil langkah yang sama.²⁹ Hal ini diketahui lebih awal dari British supaya dapat mengekalkan kekuasaan dalam sistem pentadbiran negeri di Tanah Melayu dan dapat mengurangkan tekanan kepada pihak British. Sistem pemerintahan utama di negeri Kelantan dari abad ke-18 sehingga tahun awal abad ke-20 masih diketuai oleh Sultan. Namun, William Armstrong Graham berpendapat sistem itu perlu di di rangka kembali tanpa ada pemusatan kuasa. Sistem pentadbiran dibahagi kepada pentadbiran daerah untuk memudahkan urusan penguatan cukai dilaksanakan.

Signifikasi William Armstrong Graham dalam pentadbiran di negeri Kelantan adalah dengan merubah dan membawa kepada kepelbagaian elemen dalam sistem pentadbiran negeri Kelantan.³⁰ Pengaruh Siam mendominasi struktur pemerintahan kerajaan negeri Kelantan, namun pada tahun 1903 sistem pemerintahan yang lebih cekap dan bertanggungjawab dibentuk oleh W.A Graham. Melalui sistem ini, penghulu akan bertanggungjawab terhadap kampung dan *Tok Kweng* atau penggawa akan bertanggungjawab kepada keseluruhan mukim yang berada di bawah seliaan Penghulu.³¹ Tiga jajahan pertama yang dibuk pada tahun 1904 ialah Kota Bharu, Mengkebang dan Pasir Puteh. Jajahan Pasir Mas dibuka pada tahun 1919,

27 Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar Sejarah Kelantan (Tanah Serendah Sekebun Bunga)*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2015, hlm. 51.

28 Ernest LeVos, Robert W. Duff: *A British Seigneur in Kelantan, 1892-1932*, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol.70, No.1 (272), 1997, hlm. 10.

29 Chan Su-Ming, *Kelantan and Trengganu, 1909-1939*, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol.38, No.1 (207), July 1965, hlm. 160.

30 Ibid., hlm, 160.

31 Ibid., hlm, 161.

manakala jajahan lain dibuka berdasarkan keperluan pentadbiran dan perkembangan kemajuan negeri.³² Bagi hal ehwal pentadbiran agama Islam, setiap mukim akan diselilikan oleh seorang Imam. Tujuan ini adalah untuk mengukuhkan kedudukan mereka dalam kalangan masyarakat setempat dan dalam masa yang sama untuk mengelakkan berlakunya pemberontakan dalam kalangan rakyat. J. S. Mason memulakan tugasnya sebagai Penasihat British pada 15 Julai 1909 dan melalui persetujuan daripada Sir John Anderson seterusnya pada tahun 1910.³³ British secara rasmi mula mengambil alih kerajaan negeri Kelantan sebaik sahaja Robert William Duff melakukan pajakan pada tahun 1910, landskap pentadbiran kerajaan sudah mula tergugat yang membawa kepada pemberontakan rakyat bawahan ke atas pemerintah tempatan.

Kebangkitan Tok Janggut 1915

Kemuncak kepada landskap politik dan pentadbiran di negeri Kelantan apabila berlaku kebangkitan di Pasir Puteh pada tahun 1915. Kebangkitan ini berlaku pada bulan April 1915 oleh satu kumpulan yang melibatkan Engku Besar Jeram dan Haji Mat Hassan tidak berpuas hati terhadap peraturan mengenai bayaran cukai tanah yang diperkenalkan oleh British pada 1 Januari 1915. Hal inilah yang membangkitkan kemarahan rakyat kepada British.³⁴ Tambahan lagi, dengan pengenalan cukai yang membebankan kepada rakyat termasuk diantaranya seperti tanam-tanaman ubi kayu dan keledak sebanyak sepuluh sen pada tiap-tiap batas.³⁵

Cukai padi turut diperkenalkan pada tahun 1905 yang memperuntukkan rakyat perlu membayar mengikut keluasan sawah padi³⁶ dan tanah pada kadar 60 sen seekar.³⁷ Kesan daripada pengenalan cukai yang membebankan ini, Engku Besar telah membuat satu propaganda bahawa kerajaan Kelantan terutama di jajahan Pasir Puteh bertindak zalim kepada rakyat.³⁸ Pada akhirnya kebangkitan ini meletus untuk menentang British, atas semangat dan jihad kepada agama, Tok Janggut menegakkan keadilan untuk rakyatnya dan telah terkorban. Sehingga kini Tok Janggut dikenang sebagai pahlawan yang menegakkan keadilan bagi rakyat di Pasir Puteh.

32 Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar Sejarah Kelantan (Tanah Serendah Sekebum Bunga)*, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2015, hlm 52.

33 Ibid, Hlm 167.

34 Nik Haslinda Nik Hussain, *Sejarah Perjuangan Tok Janggut atau Haji Mat Hassan, 1915 di Kelantan*, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, hlm 9.

35 Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar Sejarah Kelantan (Tanah Serendah Sekebum Bunga)*, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2015, hlm, 56.

36 Nik Haslinda Nik Hussain, *Sejarah Perjuangan Tok Janggut atau Haji Mat Hassan, 1915 di Kelantan*, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, hlm 4. Lihat juga dalam Nik Anuar Nik Mahmud, *A Kelantanese manuscript: Cerita Tok Janggut Early's 20 century Kelantan*, 1999, hlm 33.

37 Ibid, Hlm, 4

38 Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar Sejarah Kelantan (Tanah Serendah Sekebum Bunga)*, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2015, hlm, 56.

Sumbangan Tok Kenali Dalam Pembangunan Agama Islam

Setelah pelbagai peristiwa yang dicatatkan dalam persejaraan di negeri Kelantan, maka pada 24 Disember 1915 Majlis Ugama dan Adat Istiadat Kelantan (MAIK) dibentuk.³⁹ Pada peringkat awal, idea penubuhan MAIK telah dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Negeri Kelantan (*Kelantan State Council*) pada 7 Disember 1915.⁴⁰ Pada mulanya merupakan nama rasmi semasa pengisytiharannya oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad IV di hadapan Istana Balai Besar yang kemudiannya dikenali dengan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan sehingga kini. Penubuhan MAIK banyak dipengaruhi oleh keadaan pada waktu itu, Tok Kenali antara watak penting dalam MAIK yang bertanggungjawab dalam memberikan pandangan dalam hal ehwal keagamaan. Tujuan awal penubuhan MAIK adalah untuk menjaga dan mengawasi perkara-perkara yang ada hubungan dengan agama dan adat istiadat Melayu bagi memelihara kesucian agama dan menjaga kebajikan rakyat negeri Kelantan serta menasihati kerajaan yang dipimpin oleh Raja mengenai soal agama Islam dan adat istiadat Melayu Kelantan.⁴¹ Antara objektif yang dikendalikan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan adalah

- Mengadakan masjid-masjid
- Mengadakan sekolah-sekolah agama (Arab) dan Melayu
- Membantu golongan fakir miskin
- Membina bangunan-bangunan untuk disewakan
- Menjalankan perniagaan

Secara rasmi MAIK merupakan satu badan berkanun di bawah seliaan negeri Kelantan dalam hal ehwal agama Islam dan adat istiadat negeri Kelantan. Kebijaksanaan Sultan Muhammad IV telah berjaya membentuk MAIK lebih awal berbanding negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu.⁴²

Sumbangan Dalam MAIK

Pada tahun 1908,⁴³ Tok Kenali pulang kembali ke Kelantan setelah 20 tahun menuntut di kota suci Mekah pada usia 40 tahun. Penglibatan beberapa orang tokoh terkemuka dan cerdik pandai dalam tadbir urus (MAIK) terdiri daripada Dato' Bentara Setia Haji Nik Mahmud Ismail yang lebih dikenali dengan Dato, Perdana Menteri Paduka Raja, Haji Muhammad bin Khatib Haji Muhammad Said dan Tok Kenali.⁴⁴ Tok Kenali dengan institusi MAIK tidak

39 Ibid., hlm. 57.

40 Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, *et al*, Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Abad, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2012, hlm. 156.

41 Ibid., hlm. 157.

42 Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar Sejarah Kelantan (Tanah Serendah Sekebum Bunga)*, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2015, hlm. 1.

43 Yusoff Zaky Jacob, "Pengasuh, Tok Kenali Dalam Kenangan", Bil 403, 1975, Hlm, 40.

44 Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (I)*, hlm 125.

asing lagi apabila beliau telah dipelawa sendiri oleh Sultan Muhammad IV untuk terlibat sama dalam hal ehwal pentadbiran agama Islam negeri Kelantan.⁴⁵ Tok Kenali juga terdiri daripada salah seorang pengasas Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Tok Kenali merupakan antara salah seorang yang bertanggungjawab dalam tadbir urus MAIK selain menjadi anggota Majlis semasa hari pengisytiharan dilakukan oleh Sultan Muhammad IV. Dalam masa yang sama Tok Kenali cuba memberi pemahaman awal kepada rakyat di negeri Kelantan tentang penglibatannya selaku ulama besar dari kota suci Mekah untuk mentadbir hal ehwal agama Islam mengatakan bahawa:

Telah mengakulah saya bahawa saya ini tiada daripada kuda medan ini. Sekiranya jika ada orang yang mengangkatkan perkerjaan saya ini terhentilah saya, kerana bukan tujuannya saya hendak menunjukkan kebijakan dan mencari kepujian, kerana adalah orang yang mengarang itu jadi kikit bagi sekalian penembak. Jika tidak ia pejam matanya nescaya mati ia kerana dukacita, tetapi adalah dituntut daripada seseorang itu manfaatnya atau mudharatnya, beranilah saya menceburkan diri di dalam laut api yang sentiasa bernyala-nyala. Selama ada angan-angan yang baik itu tiadalah puas hati saya mati sebelum saya lihat perubahan yang baru dan elok.⁴⁶

Tok Kenali pada hematnya berpandangan bahawa pentingnya pembangunan insaniah dan agama Islam di negeri Kelantan disebabkan sistem pentadbiran yang tidak seragam dan sistematik dalam mengurus dan mengklasifikasikan undang-undang samada dalam bentuk kemanusiaan dan yang menurut kehendak agama Islam itu sendiri. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan berfungsi sebagai penggerak kepada pembangunan bagi agama Islam dan pembangunan kemanusiaan kepada rakyat. Tok Kenali terkenal dengan ilmu pengetahuannya yang tinggi dan akal fikiran yang cerdas dan bijaksana dalam membuat cadangan atau menyelesaikan masalah yang timbul. Beliau mengambil tindakan atas dasar ingin membela agama dan berjihad selama mana yang dituntut oleh agama untuk membangunkan agama Islam seperti mana yang disyorkan oleh agama. Keinginan Tok Kenali dalam melihat kepada perubahan yang baru dan elok merupakan tujuan awalnya dalam penglibatan bersama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada tahun permulaannya 1915. Syed Naquib al-Attas turut berpandangan tentang agama Islam pada konsep asalnya iaitu

Maka apabila kita memperkatakan perihal Islam dan merujuk kepadanya serta menggelarnya sebagai suatu agama justru sesungguhnya kita memaksudkan serta memahami makna 'agama' itu dengan makna dan maksud istilah al-din. Perkataan din mempunyai banyak makna-makna dasar yang saling bersangkutan paut. Ad-din itu mencerminkan agama Islam dengan sepenuh-lengkapannya bahawa agama Islam itulah yang

45 Ibid., hlm, 125.

46 Ibid., hlm, 16.

merencanakan dengan sempurna segala makna yang terdapat dalam ad-din.⁴⁷

Pandangan Syed Naquib al-Attas jelas memberi makna bahawa sifat *ad-din* itu dalam erti kata lain adalah kesamarataan kepada semua umat-Nya sama ada miskin atau kaya, berilmu atau sebaliknya, dari kelas atasan atau bawahan, rakyat atau hamba. Perjuangan Tok Kenali dalam pembangunan agama Islam di Kelantan adalah lebih bersifat kemanusiaan, melalui MAIK, Tok Kenali dapat memupuk sikap hidup bersederhana dan lebih menumpukan kepada aktiviti pembangunan dan pembelajaran agama Islam. Dalam usaha untuk membangunkan agama Islam, Tok Kenali diberikan penghormatan yang besar untuk menjadi Anggota Jemaah Ulama Majlis pada tahun 1918 dan menjawat jawatan sebagai penolong mufti negeri Kelantan pada tahun 1929 pada usia 61 tahun. Perjuangan Tok Kenali bukan sahaja dalam MAIK malah terlibat secara langsung dalam kegiatan sidang pengarang.

Sumbangan Dalam *Pengasuh*

Tok kenali terlibat secara langsung dalam sidang pengarang yang pertama semasa majalah *Pengasuh* pertama diterbitkan pada tahun 1918. Tok Kenali pernah menjelaskan tujuan utama beliau dalam majalah *Pengasuh* pernah mengatakan:

Cuba anakku tilik cerah matahari kelebihan orang yang telah dapat kemenangan kerana amalan kebajikan dan pandangan kelam orang yang telah jatuh kerana amalan yang kejahatan, maka di situlah “*Pengasuh*” bertimpuh (duduk) membedakkan sekalian yang hadir dengan bedak pengharapan, mudah-mudahan subur sekalian dengan darah dan daging yang boleh mengkhidmatkan tanahair dan menunjukkan kepada Raja.⁴⁸

Kemunculan majalah *Pengasuh* dipengaruhi oleh beberapa aspek terutamanya dalam membangunkan agama Islam di Kelantan. Pada peringkat awal majalah diterbitkan, majalah *Pengasuh* menyatakan sifatnya untuk muncul dalam kalangan anak-anak negeri untuk membimbing dan menjawab kepada persoalan-persoalan berkenaan agama Islam dan hal ehwal yang berkaitan.⁴⁹ Dalam konteks ilmu terutamanya amalan dalam kalangan masyarakat Islam banyak bercampur dengan unsur-unsur tahyul, mitos dan kepercayaan yang diamalkannya dalam pekerjaan seharian.⁵⁰ Dalam masa yang sama, Tok Kenali dalam seruannya kepada anak-anak negeri untuk mempelajari agama Islam dengan sebaiknya dan menuntut kepada berfikir menggunakan akal fikiran tentang perkara semasa yang melibatkan agama Islam.⁵¹

Syeikh al-Hadi juga dalam seruannya menerangkan tentang kehormatan agama Islam kepada akal:

47 Syed Naquib al-Attas, *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*, Percetakan Masbah, 2019, hlm, 3-4.

48 Yusoff Zaky Jacob, “*Pengasuh, Tok Kenali Dalam Kenangan*”, Bil 403, 1975, hlm. 16.

49 Mohd. Yusuf Kenali, *Pengasuh*, “Kemanusiaan”, Bil. 1, 14 Julai 1918 Bersamaan 1 Syawal 1336, hlm. 1.

50 Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, *et.al, Pengaruh Islam dalam Perkembangan Intelektual di Alam Melayu*, Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 25, 2014, hlm. 104.

51 Mohd. Yusoff Kenali, *Pengasuh*, “*Seruan*”, Bil. 5, 7 September 1918 Bersamaan 1 Zulhijjah 1336, Hlm 3.

Agama Islam adalah menyeru manusia pada mengaku adanya Tuhan yang telah menjadikan segala alam ini serta mengaku akan ketunggalnya. Ada pun seruannya kepada perkara yang amat besar ini dihadapkan kepada akal perkara yang amat besar ini dihadapkan kepada akal semata-matanya.⁵²

Tok Kenali seorang alim ulama yang tidak pernah menginginkan kemasyuran dalam bentuk pangkat mahupun harta sepanjang kehidupannya. Fokus utama adalah untuk membangunkan agama Islam di Kelantan melalui majalah *Pengasuh* yang dikarangnya dari tahun 1918 hingga 1919. Tempoh masa yang agak singkat untuk dihitung dalam bentuk angka namun pengaruh dan nukilan yang dikarang oleh Tok Kenali mampu memberikan kesan yang begitu besar kepada rakyat di negeri Kelantan. Tok Kenali menjadi ketua bagi sidang pengarang majalah *Pengasuh* dari tahun 1918 hingga 1919. Walau bagaimanapun, Tok Kenali juga terlibat bersama majalah Al-Hedayah dari Jun 1923 semasa memegang jawatan dalam Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan.⁵³ Sepanjang terlibat dalam majalah *Pengasuh*, Tok Kenali telah menulis sebanyak 10 majalah sepanjang setahun penglibatannya. Antara tajuk majalah *Pengasuh* yang dikarangnya adalah “Kemanusiaan”, “**Kemajuan Bangsa Melayu**”, “**Kesempurnaan Manusia & Bahagiannya**”, “**Menjernih Kekeruhan**”, “**Soal Jawab**”, “**Seruan**”, “**Kenyataan & Pengharapan yang Besar**”, “**Ramadhan Al-Mubarak (Nasihat Syariah Imaniah)**”, “**Kesukaan dan Kedukaan**” dan “**Soal Jawab**”.

Secara jelas Tok Kenali mahukan sebuah akhbar yang diterbitkan dan ditadbir oleh anak-anak negeri sendiri mengatakan bahawa:

Tatkala saya ketahui bahawasanya tiada orang yang boleh jadi utusan yang usaha pada menghimpunkan antara anak Melayu kita ini, maka cintalah saya dengan harapan bahawa diadakan pada tiap-tiap buah negeri di dalam Semenanjung Tanah Melayu kita sekurang-kurangnya satu suratkhbar yang dipunyai oleh anak-anak negeri sendiri supaya menempati ia utusan yang bijaksana menyeru kepada bersekutu dan bersatu pada tiap-tiap pekerjaan yang mendatangkan muslihat bagi watan, bangsa dan ugama.⁵⁴

Tok Kenali seorang cendekiawan Islam Kelantan yang berjaya mengambil peluang ketika belajar di Mekah untuk menimba ilmu pengetahuan yang akan menjadi panduan apabila mereka kembali ke Tanah Melayu.⁵⁵ Majalah *Pengasuh* diterbitkan secara dwi-mingguan pada peringkat permulannya. Namun, selepas pada tahun 1932, *Pengasuh* mula mengubah penerbitannya daripada dwi-mingguan kepada mingguan sahaja.⁵⁶ Majalah *Pengasuh* yang diterbitkan oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dijual pada harga

52 Syeikh al-Hadi, *Ugama Islam dan Akal*, Malaha Press, 2017, hlm. 9.

53 Muhamad Ali, *Transmission of Islamic Knowledge in Kelantan*, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol.79, No. 2 (291), 2006, hlm. 46.

54 Yusoff Zaky Yacob, *Pengasuh*, “*Tok Kenali Dalam Kenangan*”, Bil. 403, 1975, Hlm 16.

55 Mohd Redzuan Othman, *Masjid Al-Haram dan Peranannya dalam Perkembangan Awal Pendidikan dan Intelektualisme Masyarakat Melayu*, *Jurnal Usuluddin*, hlm. 71.

56 Hamed Mohd Adnan, *Penerbitan Majalah Agama Sebelum Perang Dunia Kedua: Antara Tanggungjawab Sosial dengan Perniagaan*, *Jurnal Sejarah*, hlm. 89.

0.15 sen dan purata harga langganan dalam setahun adalah \$2.88 di dalam negeri manakala \$3.00 di luar negeri. Tujuan utama majalah *Pengasuh* dalam pembangunan Islam adalah untuk memurnikan balik pandangan masyarakat berkenaan agama Islam dan sosialisme rakyat di negeri Kelantan. Kesemua karangan Tok Kenali bermula pada 10 Julai 1918 bersamaan 1 Syawal 1336 Hijrah menjelaskan mengenai “Kemanusiaan” tentang kejadian dan sifat-sifatnya sebagai manusia dengan merujuk al-Quran untuk dijadikan panduan kepada rakyat negeri Kelantan untuk berfikir tentang kewujudannya serta tugasnya sebagai seorang hamba kepada Tuhan-Nya. Sidang pengarang yang dikendalikan oleh Tok Kenali berkisar pada cita-cita seorang ulama besar untuk pembangunan mentaliti dan agama Islam rakyat dan kefahaman mengenai kemajuan kepada bangsa dan agama.

Karangan Tok Kenali dalam majalah *Pengasuh* berjaya mempengaruhi rakyat negeri Kelantan dalam aspek kemanusiaan, idealisme, nasionalisme dan hal ehwal agama Islam. Antara seruan Tok Kenali dalam majalah *Pengasuh* adalah “*Kemajuan Bangsa Melayu*”. Dalam seruannya Tok Kenali menyatakan pertanyaan kepada bangsanya sendiri mengenai kemajuan iaitu:

Adakah bangsa Melayu maju? Apakah yang dikehendaki dengan kemajuan? Apakah kelayakannya? Bertapakah ubatnya? Bagaimana kewajipan pengingat-pengingat dan pemimpin-pemimpin kita?⁵⁷

Tok Kenali jelas membuat persoalan kepada rakyat tentang kemajuan bangsanya, ciri bangsa yang maju, serta cara untuk memajukan bangsanya. Seruan Tok Kenali dalam karangannya mengajak rakyat di negeri Kelantan untuk membangunkan agama Islam baik kepada individu, keluarga, masyarakat dan tanah air sendiri. Jelas Tok Kenali lagi bahawa pemimpin-pemimpin adalah tonggak utama kepada kunci untuk memajukan bangsa Melayu sendiri daripada ditindas oleh British dengan undang-undang yang membebankan. Tok Kenali berpandangan bahawa negeri Kelantan masih lagi sebagai bangsa yang masih muda dengan ilmu pengetahuan dan perkembangan dari dunia luar.

“Adapun ubatnya ialah “pengetahuan” maka carilah penawar”.⁵⁸ Tok Kenali mengingatkan kepada pembaca agar menuntut ilmu pengetahuan samada ilmu agama mahupun kemanusiaan yang dapat memimpin seseorang itu ke arah kemajuan. Pendedahan awal semasa menuntut di Mekah memberikan inspirasi kepada Tok Kenali dengan menyediakan kaedah untuk berjaya dalam duniawi dan ukhrawi. Dengan menuntut ilmu pengetahuan seseorang individu ataupun bangsa itu akan dapat mengangkat darjatnya sehingga dipandang mulia oleh bangsa lain.

Selain itu, Tok Kenali dalam karangannya bertajuk “*Kemanusiaan*” menjelaskan mengenai peranan manusia sebagai hamba kepada Tuhan-Nya. Terbitan majalah *Pengasuh* ini mungkin mengilhamkan idea awal Syeikh al-Hadi mengenai tuntutan manusia untuk memerhatikan segala kejadian-kejadian Tuhan yang sangat kompleks dan unik dengan menggunakan akal fikiran bagi mempelajari segala asbab dan kewujudan sesuatu kejadian.⁵⁹

57 Mohd. Yusoff Kenali, *Pengasuh*, “*Kemajuan Bangsa Melayu*”, Bil 12, 19 Disember 1918 Bersamaan 15 Rabiulawal 1337, hlm. 1-2.

58 Ibid., hlm. 2.

59 Syeikh al Hadi, *Ugama Islam & Akal*, Malaha Press, 2017, hlm. 19.

Penjelasan mengenai kemanusiaan berkait rapat dengan idea yang ingin dikembangkan oleh Tok Kenali secara abstrak kepada pembaca samada ingin mengimplimentasikan fahaman tentang kesedaran manusia untuk berfikir secara kritis atau berfikir mengenai tujuan utama manusia dicipta. Idea pembangunan adalah satu tindakan rasional yang ditonjolkan oleh Tok Kenali untuk menunjukkan kepada pembaca khususnya rakyat negeri Kelantan bahawa manusia perlu berkembang dari masa ke semasa untuk memimpin dan mentadbir serta mengambil iktibar akan keberadaan sebagai manusia yang dikurniakan akal fikiran yang sempurna untuk menyelesaikan masalah yang wujud.

“Seruan” yang dinukilkan oleh Tok Kenali menyeru kepada pembaca-pembaca majalah Pengasuh untuk bersatu pada sebagai seorang muslim dan bangsa Melayu. “Marilah kita merapat menjadi satu kalimah, supaya mudah kita buat kerja tolong-menolong”.⁶⁰ Seruan Tok Kenali sangat jelas dan memihak kepada bangsa dan agamanya yang masih muda dengan pengalaman dan pengajaran. Seruan ini mendokemuntasikan idea Tok Kenali pada pembangunan agama Islam di negeri Kelantan. Perjuangan Tok Kenali membumi kepada anak watan, tidak sedikit daripada seruannya ini untuk kepentingan sosial malah diutamakan kepada rakyat dan agamanya. “Setengahnya ada ilmu tiada harta dan setengahnya ada harta tiada ilmu. Dan antara hal harta dengan hal ilmu itu sangatlah khilaf tujuannya”⁶¹ Tok Kenali menyatakan bahawa kepentingan antara harta dan ilmu adalah saling berkait dalam pembangunan agama Islam tidak sedikit akan dapat digerakkan jika tiada kerjasama antara kesemua ummah. Justeru itu, seruan Tok Kenali adalah lebih bersifat kepada psikologi, pandangan Tok Kenali dalam seruan ini untuk menghakis perasaan angkuh, ri’ya, sombong dalam kalangan pembaca dan rakyat di negeri Kelantan amnya. Menurut Ali Shariati agamalah yang mempraktikkan agamanya untuk membenarkan semua hak yang akan menguntungkan dalam masyarakat di mana manusia tidak memiliki hak kepada kehidupan, kepada kekayaan, kepada pemilikan dan kepada pemerintahan.⁶² Secara jelas bahawa seruan Tok Kenali dalam usaha untuk membangunkan agama Islam adalah dengan menyatakan kerjasama sesama ummah untuk mengukuhkan kedudukan Islam walau di mana tempatnya berada.

Sumbangan Dalam Pendidikan

Pendidikan adalah kunci kepada kemajuan sesebuah bangsa, Kelantan merupakan salah satu pemula dalam pembangunan pendidikan Islam. Antara tahun 1800 hingga 1957, ramai ulama muncul pada ketika itu. Ia merupakan zaman kegemilangan bagi institusi pengajian pondok di negeri Kelantan.⁶³ Peranan utama MAIK adalah untuk mengendalikan sistem pendidikan bagi umat Islam dan orang Melayu di negeri Kelantan.⁶⁴ Selain daripada itu, Tok Kenali

60 Mohd. Yusoff Kenali, Pengasuh, “*Seruan*”, Bil. 5, 7 September 1918 Bersamaan 1 Zulhijjah 1336, hlm. 3-4.

61 Ibid., hlm. 3.

62 Ali Shariati, *Agama Lawan Agama*, Terjemahan Ahmad Nabil Amir, Islamic Renaissance Front Berhad, 2017, hlm. 84.

63 Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, et.al, *Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Abad*, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2012, hlm. 151.

64 H. Y Ahmad Mujahideen, I.Nur Syazwani, *Faktor Penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK): Satu Ulasan*, Jurnal of Islamic, Social, Economics And Development (JISED), Volume:5 Issues:29, Jun 2020, hlm. 37.

merupakan salah seorang ulama yang giat menyumbangkan ideanya dalam pembangunan agama Islam di Kelantan. Pendidikan adalah salah satu aspek penting dalam perjuangan Tok Kenali sepanjang penglibatannya dari tahun 1915 hingga 1933 dengan membuka *pondok* yang dinamakan Pondok Tok Kenali pada tahun 1910,⁶⁵ dan Pondok Haji Hassan di Ketereh pada tahun 1916.⁶⁶ Sekembalinya Tok Kenali ke Kelantan, beliau bersama sahabatnya Dato' Perdana Haji Nik Mahmud bin Ismail yang merupakan Menteri Besar Kelantan pada waktu itu. Semasa berada di Mekah, Tok Kenali telah menuntut dengan beberapa ulama besar seperti Syaikh Daud al-Fatani dan Tuan Guru Syaikh Ahmad. Hal ini menjadi kelebihan Tok Kenali apabila dapat menimba ilmu pengetahuan dan dapat mewarisi ilmu tatabahasa Arab dan ilmu-ilmu agama daripada Syaikh Ahmad.⁶⁷

Tok Kenali merupakan salah seorang anak murid ulama besar di Kelantan iaitu Tuan Tabal atau Haji Wan Musa semasa belajar di pondoknya yang terletak di Kubang Pasu.⁶⁸ Sumbangan Tok Kenali dalam pendidikan Islam bukan sahaja di negeri Kelantan dan Semenanjung Tanah Melayu malah sehingga ke Asia Tenggara seperti Kemboja dan Indonesia,⁶⁹ Sumatra, Patani, Brunei, dan Vietnam⁷⁰ Pengajian sistem *pondok* menjadi lebih tersusun sebaik sahaja kepulauan Tok Kenali dari kota suci Mekah. Pembangunan agama Islam di negeri Kelantan dimulakan dengan asas pendidikan sebagai langkah awal untuk memberi pendedahan mengenai ilmu agama. Tok Kenali mula menerima pendedahan pendidikan semasa usia muda lagi, keinginan tinggi semasa menuntut di Mekah dan Mesir membolehkan beliau untuk mengembangkan idea islam secara moden kepada sistem pendidikan pondok di Kelantan khususnya. Sebagai seorang ulama dan guru agama, Tok Kenali seorang reformis dalam pembangunan agama Islam, saluran ideanya diterjemahkan melalui sistem pendidikan Islam dengan memperkenalkan beberapa buku teks dalam beberapa subjek yang berkaitan dengan Arab dan Sains Islam.⁷¹

Tugas hakiki Tok Kenali merupakan ahli Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Kelantan (MAIK). Penglibatan Tok Kenali dalam pendidikan amatlah besar sumbangannya yang menjadi tonggak utama dalam sistem pendidikan di Kelantan. Pada 5 Ogos 1917,⁷² Majlis telah menubuhkan sebuah Sekolah Melayu yang dikenali dengan Madrasah Muhammadiyah. Pelajar yang menyambung pengajian di Madrasah Muhammadiyah pada tahun 1917 sebanyak 310 pelajar manakala pada tahun 1918 sebanyak 466 pelajar

65 Yusoff Zaky Yacob, "Tok Kenali Dalam Kenangan", *Pengasuh*, Bil. 403, 1975, hlm. 40.

66 Luqman Haji Abdullah, *Latest Development of Traditional Islamic Education in Kelantan*, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universities of Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 2195.

67 *Ibid.*, hlm. 40.

68 Muhamad Ali, *Transmission of Islamic Knowledge in Kelantan*, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol.79, No. 2 (291), 2006, hlm. 43.

69 Abdul Halim Ahmad, *Pendidikan Islam di Kelantan, Warisan Kelantan, I*, 1982, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, hlm. 18.

70 Kho Kay Kim, *Malay Society, 1874-1920s*, *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol.5, No. 2, The Centenary of British Intervention in Malaya (Sep., 1974), Cambridge University Press on behalf of Department of History, National University of Singapore, hlm. 187.

71 Muhammad Ali, *Transmission of Islamic Knowledge in Kelantan*, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol.79, No. 2 (291), 2006, hlm. 46.

72 Kho Kay Kim, *Malay Society, 1874-1920s*, *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol.5, No. 2, The Centenary of British Intervention in Malaya (Sep., 1974), Cambridge University Press on behalf of Department of History, National University of Singapore, hlm. 187.

berbanding sekolah vernakular Melayu mencatatkan 432 pelajar pada tahun 1917 terdiri daripada 14 buah sekolah manakala pada tahun 1918 seramai 464 pelajar terdiri daripada 16 buah sekolah.⁷³ Perkembangan pendidikan di Madrasah Muhammadiyah ini mencatatkan peningkatan dalam kalangan rakyat Kelantan khususnya anak-anak muda pada pendidikan agama Islam. Hal ini menunjukkan bahawa daripada idea Tok Kenali maka sistem pendidikan dapat dibangunkan di Kelantan. Tok Kenali juga merupakan penggerak awal kepada pembangunan sistem pendidikan di negeri Kelantan. Pendidikan sekolah aliran Melayu akan memberikan satu kelebihan kepada rakyat negeri Kelantan untuk mengasimilasikan dengan sistem pendidikan sedia ada. Rata-rata aliran sistem pendidikan di negeri Kelantan terbahagi kepada tiga aliran iaitu Melayu, Inggeris dan Arab. Sebaik sahaja selesai urusannya di *pondok*, Tok Kenali kembali kepada peranan utamanya di Masjid Besar Muhammadi. Menurut catatan sejarah, dikatakan seramai 300 orang pelajar dari Semenanjung Tanah Melayu, Patani dan Kemboja datang untuk mendapatkan pendidikan dengan Tok Kenali⁷⁴. Pengaruh dan kelebihan yang dimiliki oleh Tok Kenali dapat membantunya untuk mengembangkan cita-citanya dalam membangunkan agama Islam di tanah airnya sendiri. Pada tahun 1925, Tok Kenali, telah pulang ke Kubang Kerian dan menetap di Kampung Belukar serta meneruskan pengajaran dalam bidang *Nahu*, *Tauhid*, *Fiqh*, dan *Tasawuf*.⁷⁵

Pendidikan yang diberikan oleh Tok Kenali kepada kanak-kanak dan dewasa adalah berlainan dengan kaedah dan lisannya. Pendidikan yang diberikan oleh Tok Kenali kepada dewasa berkisarkan kepada kisah teladan. Kaedah ini membolehkan Tok Kenali akan dapat menarik minat golongan dewasa untuk belajar mengenai agama tentang perkara asas untuk cuba dijelaskan. Dalam masa yang sama, Tok Kenali lebih gemar menggunakan kaedah soal jawab sepanjang sesi pengajarannya. Tok Kenali lebih banyak menghabiskan masanya dengan membaca majalah seperti *al-Ahram*, *Qullaushai* dan *al-Muqattan* yang banyak mengandungi tentang berita dan perkembangan dari dunia luar.⁷⁶ Tok Kenali berpandangan bahawa kaedah pengajaran dengan mendekatkan jiwanya bersama rakyat sudah pasti akan dapat mendekatkan diri mereka kepada-Nya.

Tok Kenali menggunakan kecerdasan ingatannya sebagai pemangkin untuk mengajar tentang Islam dan menarik minat para pelajarnya untuk menjadi pemimpin di generasi akan datang. Tok Kenali dalam pengajarannya berkenaan ilmu agama banyak dipengaruhi oleh kaedah pengajaran falsafah sufi Imam al-Ghazzali semasa hayatnya antara tahun 1058 hingga 1111. Diantara kitab yang sering digunakan oleh Tok Kenali untuk mengajar seperti kitab *Murnilabi* dan *Ushmuni* manakala dalam ilmu feqah pula beliau menggunakan kitab *Iknak*, *Fathul Muin* dan *Fathul Qarib*. Dalam ilmu *Ballaghah* termasuk juga kitab *Jauharum Maknum* Tok Kenali juga berjaya menterjemahkan sebahagian kitab tafsir *Alkhazin* daripada bahasa Arab ke Bahasa Melayu. Dalam masa yang sama Tok Kenali juga menyusun pelajaran

73 Ibid., hlm 188.

73 Ibid., hlm 188.

74 Muhammad Ali, *Transmission of Islamic Knowledge in Kelantan, Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol.79, No. 2 (291), 2006, hlm 46.

75 Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar Sejarah Kelantan (Tanah Serendah Sekebum Bunga)*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn Bhd., 2005, hlm 143.

76 Kho Kay Kim, *Malay Society, 1874-1920s, Journal of Southeast Asian Studies*, Vol.5, No. 2, The Centenary of British Intervention in Malaya (Sep., 1974), Cambridge University Press on behalf of Department of History, National University of Singapore, hlm. 187.

nahu Arab dan Saraf dan telah diterbitkan oleh Hj. Ali Salehuddin dengan nama kitabnya *Al-Idrus, Al-Kenaliyah Al-Batdiniyah*.⁷⁷ Jasa dan sumbangan Tok Kenali pada agama dan negeri amatlah besar sehingga dapat mewariskan ketokohnya kepada anak muridnya yang menjadi ulama-ulama di negeri Kelantan iaitu Haji Abdullah Tahir Bunut Payung, Haji Ali Salahudin Pulau Pisang, Haji Yaakob Legor, Haji Yaakub bin Haji Ahmad, Dato' Haji Ahmed Maher dan Dato' Haji Ismail Yusuf yang kedua-duanya Mufti Kelantan, Dato' Haji Hassan Yunus merupakan Mneteri Besar Johor, Haji Asaad bin Daud, Haji Nik Abdullah bin Haji Musa, Haji Ahmad bin Mohd Yusof, Haji Idris merupakan Mufti negeri Kelantan semasa tahun 1920an, dan Nik Abdul Aziz bin Nik Mat yang merupakan Menteri Besar Kelantan dari tahun 1990 hingga 2013.

Sumbangan Dalam Masyarakat

Tok Kenali bukan sahaja sebagai ulama malah seorang tokoh agama dalam masyarakat di Kelantan. Pada tahun 1924, Tok Kenali memulakan persatuan Islam iaitu *al-Jam 'iyyat al-'Ashriyyah* yang merupakan Persatuan Kontemporari.⁷⁸ Tujuan persatuan ini ditubuhkan adalah untuk membincangkan persoalan sosial dan intelektual. Dalam masa sama, Tok Kenali memperluaskan pengaruhnya kepada sultan. Pengaruh Tok Kenali sangat jelas semasa pemerintahan Sultan Muhammad IV antara tahun 1900 hingga 1920 dan semasa pemerintahan awal Sultan Ismail antara tahun 1920 hingga 1940 yang terlibat secara langsung dalam pembangunan agama Islam di negeri Kelantan.⁷⁹ Tok Kenali sangat dihormati dalam kalangan pemerintah dan rakyat malah mempunyai hubungan rapat dengan Menteri Besar Kelantan secara langsung dalam pentadbiran di Kelantan.

Tok Kenali merupakan seorang reformis Islam yang mengambil berat tentang pemurnian agama Islam. Perkembangan politik dan kesedaran kaum muda terhadap sistem pendidikan dan sosial mendorong Tok Kenali untuk berkecimpung secara tak langsung dalam politik tanah air. Pembaharuan di Mesir membawa kepada ikatan antara agama dengan politik dalam mempengaruhi beliau dalam usaha untuk membangunkan Kelantan. Melalui pendedahan intelektual Arab dapat menarik beberapa ulama besar untuk terlibat dalam pembangunan Islam seperti Syaikh Daud al-Fatani dan Tok kenali. Kerjasama Tok kenali dengan Syaikh Haji Wan Ahmad bin Muhd. Zain bin Mustapha al-Patani mendedahkannya dengan bahan bacaan akhbar seperti *Al-Urwa-Al Wuthqa, Al-Manar, Al-Imam* dan *Saudara*.⁸⁰ Keterujaan kepada bahan bacaan dan pengalamannya di Mekah membolehkan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Negeri Kelantan ditubuhkan pada tahun 1915. Hasil daripada penubuhan Maik daripada idea Tok Kenali dan sahabatnya maka pembangunan agama Islam dapat dirangkakan dan distruktur kembali untuk memartabatkan agama Islam di Kelantan dengan jayanya.

77 Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Hassan, *Lima Tokoh Ulama yang Memainkan Peranan Penting dalam Perkembangan Ilmu di Negeri Kelantan (1860-1940)*, hlm. 171.

78 Muhamad Ali, *Transmission of Islamic Knowledge in Kelantan, Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol.79, No. 2 (291), 2006, hlm 46.

79 Ibid., hlm, 47.

80 Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Hassan, *Lima Tokoh Ulama yang Memainkan Peranan Penting dalam Perkembangan Ilmu di Negeri Kelantan (1860-1940)*, hlm 169.

Sikap dan peribadi Tok Kenali diasimilasikan kepada kegiatan hariannya untuk melihat sesuatu seperti yang seharusnya dan seadanya.⁸¹ Menurut Ali Shariati, Islam yang sebenar adalah sosialisme sebenar dan sosialisme sebenar adalah Islam yang sebenar.⁸² Keperibadian Tok Kenali yang rendah diri dapat dijadikan sebagai teladan kepada anak-anak muda mengenai kemanusiaan, sosial dan interaksi antara satu sama lain. Melalui aspek kemanusiaan dapat dilihat tentang layanan yang sama rata diberikan kepada keluarga sebagai seorang suami dan ayah mahupun kepada pelajarnya sebagai seorang guru dan pemimpin bagi masyarakat di negeri Kelantan. Tok Kenali lebih gemar untuk berhubung dengan masyarakat berbanding berada di tempat yang sepatutnya sebagai seorang pemimpin. Melalui kegiatan hariannya, Tok Kenali lebih gemar untuk membabit raga berbentuk timba pergi ke pasar untuk membeli belah sendiri.⁸³ Sikap sosial yang dipertontonkan oleh Tok Kenali jelas menyatakan bahawa manusia itu sama di sisi Tuhan namun hanya berbeza daripada segi taqwa kepadanya. Dalam sikap kemanusiaan, Tok Kenali lebih gemar berkongsi apa yang ada padanya kepada orang ramai. Menurut Nik Abdul Aziz, semasa berada di masjid besar Muhammadi Tok Kenali telah dihadian seekor kambing kepadanya. Beliau terus menyembelih dan memasaknya serta kemudian menjamukan makanan kepada orang ramai yang ada di situ.⁸⁴ Tok Kenali memberi layanan yang sama rata kepada sesiapa sahaja, atas prinsip *ad-din* maka Tok Kenali mempraktikkan dalam kehidupan hariannya sebagai seorang ulama dan menjadi ikutan kepada masyarakat yang hidup pada ketika itu. Daripada segi interaksi, Tok Kenali tidak segan untuk berkongsi apa yang diyakini olehnya tentang pengetahuan am mahupun kepakarannya dalam bidang nahu arab. Sumbangan Tok Kenali dalam masyarakat secara zahirnya berbentuk abstrak dan iainya dapat dipraktikkan sekiranya masyarakat pada zamannya dan kini dapat memahami keperibadian yang ditunjukkan oleh Tok Kenali. Sesungguhnya, apa yang diperlihatkan oleh Tok Kenali melalui tindakannya adalah sebagai pengajaran yang berguna dalam setiap elemen kehidupan untuk dipraktikkan sama ada dalam agama, kemanusiaan, dan sosialisme.

Kesimpulan

Penglibatan Tok Kenali dalam pembangunan agama Islam di negeri Kelantan antara tahun 1915 hingga 1933 adalah kemuncak kepada kelahiran kesedaran untuk membina sebuah negeri yang kaya dengan ilmu pengetahuan dan kuat pegangan agamanya daripada terus diseleweng kebenarannya daripada yang tidak bertanggungjawab. Oleh hal yang demikian, pemikiran Tok Kenali melebihi zamannya membolehkan beliau dapat menstruktur tentang pembagunan negeri khususnya dalam hal ehwal agama Islam. Dalam hal ilmu pengetahuan, masyarakat Melayu jauh ketinggalan berbanding dengan bukan Melayu. hal ini disebabkan oleh keinginan untuk merubah sikap untuk belajar terlalu lemah dan kurang berminat pada ilmu pengetahuan

81 Ali Shariati, *Agama Lawan Agama*, Terjemahan Ahmad Nabil Amir, Islamic Renaissance Front Berhad, 2017, hlm. 16.

82 Ibid., hlm 6.

83 Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Hassan, *Lima Tokoh Ulama yang Memainkan Peranan Penting dalam Perkembangan Ilmu di Negeri Kelantan (1860-1940)*, hlm. 169.

84 Ibid., hlm, 169.

adalah salah satu faktor yang dilihat oleh Tok Kenali sebagai suatu perkerjaan sosial yang wajib dilaksanakannya. Wacana yang dikarang dalam majalah Pengasuh tidak sedikit kepada pembangunan agama Islam, malah seruan kepada anak-anak muda dan golongan dewasa untuk memantapkan akidah kepada Tuhan turut didokumentasikan dalam karangannya. Secara jelas, Tok Kenali lebih gemar untuk membangunkan agama Islam melalui teladan yang ditunjukkan daripada apa yang sedia ada kerana ini yang menjadi kemestiaan kepada Tok Kenali untuk menunjukkan seperti sebenarnya berlaku.

Kelebihan yang dimiliki oleh Tok Kenali membolehkan ramai yang berduyun-duyun untuk belajar tentang agama Islam malah Tok Kenali turut didampingi oleh sultan yang dilihat mampu dijadikan sebagai satu penanda aras kepada pembangunan agama Islam Kelantan. Jika Tok Kenali dapat menggerakkan pihak atasan untuk menubuhkan MAIK, maka tidak mustahil kesannya dapat dipertontonkan sehingga kini. Salah satu yang membawa Tok Kenali kepada kegemilangannya adalah disebabkan oleh keperibadian yang zuhud, bersedehana, dan sifat kemanusiannya yang tidak mungkin akan dapat diikuti oleh sebahagian manusia semasa dan selepas zamannya. Konsep sosialisme dan kemanusiaan menjadi asas dalam perjalannya untuk tujuan dakwah dan pembangunan agama Islam di negeri Kelantan. Satu fenomena telah dibentuk oleh seorang kelas bangsawan yang mengagungkan ketertinggian ilmu pengetahuan sebagai pemangkin kepada kemajuan dan pembangunan kehidupan. Komunikasi merupakan salah satu elemen utama yang dilihat sangat efektif terhadap pembangunan agama Islam yang telah dipraktikkan oleh Tok Kenali. Inilah yang menjadi doktrin kehidupan Tok Kenali dalam perjuangannya untuk membangunkan agama Islam di Kelantan semasa hayatnya di kandung badan serta dengan meninggalkan pesanan terakhirnya kepada generasi akan datang iaitu "*jangan sampai terlihat adanya diri*" sebelum wafat pada tanggal 2 Syaaban 1352 bersamaan 19 November 1933 pada jam 7.30 pagi dan Tok Kenali dimakamkan di Kubang Kerian, Kota Bharu.

Bibliografi

Buku

- Ali Shariati, *Agama Lawan Agama*, Terjemahan Ahmad Nabil Amir, Islamic Renaissance Front Berhad, 2017
- Abdul Halim Ahmad, Pendidikan Islam di Kelantan, *Warisan Kelantan*, I, 1982, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Syeikh al-Hadi, Uagama Islam dan Akal, Malaha Press, 2017
- Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majid, et.al, *Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Abad, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*, 2012.
- Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar Sejarah Kelantan (Tanah Serendah Sekebum Bunga)*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2015.
- Syed Naquib al-Attas, *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*, Percetakan Masbah, 2019.
- Abdul Rahman al-Ahmadi, *Abdul Kadir Adabi dan Asaad Shukri: Suatu Perbandingan*, Kota Bharu: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.
- Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*, Kota Bharu: Majlis U gama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1988.
- Mohd. Safar Hashim, *Akhbar dan Kuasa: Perkembangan Sistem Akhbar di Malaysia Sejak 1806*.
- Michael Laffan, *Sejarah Islamd Nusantara*, Diterjemahkan dari The Making of Indonesian Islam, Pricneton University Press, 2015.

Jurnal

- Muhamad Ali, Tranmission of Islamic Knowledge in Kelantan, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol.79, No. 2 (291), 2006.
- Luqman Haji Abdullah, Latest Development of Traditional Islamic Education in Kelantan, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universities of Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Redzuan Othman, Masjid Al-Haram dan Peranannya dalam Perkembangan Awal Pendidikan dan Intelektualisme Masyarakat Melayu, *Jurnal Usuluddin*.
- Hamed Mohd Adnan, Penerbitan Majalah Agama Sebelum Perang Dunia Kedua: Antara Tanggungjawab Sosial dengan Perniagaan, *Jurnal Sejarah*.
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, et.al, Pengaruh Islam dalam Perkembangan Intelektual di Alam Melayu, *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 25, 2014.
- Ernest LeVos, Robert W. Duff: A British Seigneur in Kelantan, 1892-1932, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol.70, No.1 (272), 1997.
- Chan Su-Ming, Kelantan and Trengganu, 1909-1939, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol.38, No.1 (207), July 1965.
- Hunter A. Crawford, The Birth of the Duff Development Company of Kelantan 1900-1912, *Malaysia in History*, 1970.
- Nik Haslinda Nik Hussain, Sejarah Perjuangan Tok Janggut atau Haji Mat Hassan, 1915 di Kelantan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

- Faisal@Ahmad Faisal Abdul Hamid, Seruan Kebangkitan Islam dalam Majalah Pengasuh oleh Tok Kenali dan Za'ba, *Jurnal Usuluddin* (Januari-Jun 2013).
- H. Y Ahmad Mujahideen, I.Nur Syazwani, Faktor Penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK): Satu Ulasan, *Jurnal of Islamic, Social, Economics And Development (JISED)*, Volume:5 Issues:29, Jun 2020.

Kertas Kerja

- Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Hassan, *Lima Tokoh Ulama yang Memainkan Peranan Penting dalam Perkembangan Ilmu di Negeri Kelantan (1860-1940)*, Kertas Kerja the Eight Conference International Association of Historian of Asia, Kuala Lumpur, 25-29 Ogos 1980.

MAJALAH

- Mohd. Yusuf Kenali, *Pengasuh*, "Kemanusiaan", Bil. 1, 14 Julai 1918 Bersamaan 1 Syawal 1336.
- Mohd. Yusoff Kenali, *Pengasuh*, "Seruan", Bil. 5, 7 September 1918 Bersamaan 1 Zulhijjah 1336.
- Mohd. Yusoff Kenali, *Pengasuh*, "Kemajuan Bangsa Melayu", Bil 12, 19 Disember 1918 Bersamaan 15 Rabiulawal 1337.
- Yusoff Zaky Yacob, *Pengasuh*, "Tok Kenali Dalam Kenangan", Bil. 403, 1975.

TESIS

- Abdul Rashid bin Haji Ahmad, *Birokrasi Negeri Kelantan: Satu Kajian Perubahan dan Perkembangannya*, 1969, Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969.